

2. Tempoh maksimum bagi pengurangan yuran adalah seperti berikut:

<u>Pengajian</u>	<u>Tempoh Maksimum</u>
Sarjana	6 semester
PhD	10 semester
DBA	8 semester

3. Syarat memohon adalah seperti berikut:

- Telah disahkan dalam perkhidmatan.
 - Telah berkhidmat tidak kurang daripada tiga (3) tahun dalam jawatan tetap di Universiti Utara Malaysia.
 - Memperolehi laporan penilaian prestasi 80% ke atas bagi tahun penilaian sebelum membuat permohonan.
 - Belum pernah mendapat kemudahan cuti belajar pada peringkat pengajian berkenaan.
 - Disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan.
4. Syarat-syarat lain yang ditetapkan adalah seperti berikut:
- Staf dikehendaki mengemukakan laporan pengajian/keputusan peperiksaan setiap semester kepada Pendaftar. Jika gagal berbuat demikian, Universiti boleh menghentikan kemudahan pengurangan yuran pada semester berikutnya.
 - Sekiranya laporan pengajian bagi sesuatu semester tidak memuaskan, Universiti juga boleh menghentikan kemudahan pengurangan yuran pada semester berikutnya.

- Staf diminta menandatangani perjanjian pembiayaan yuran pengajian.

- Kemudahan ini diberikan sekali sahaja bagi setiap peringkat pengajian yang diikuti di sepanjang perkhidmatan dengan Universiti Utara Malaysia dan hanya diberikan kepada staf yang belum pernah mendapat kemudahan cuti belajar bagi peringkat pengajian berkenaan.

2.4 Staf Kumpulan Sokongan Yang Mengikuti Pengajian Ijazah Pertama (PJJ) Dan Ijazah Lanjutan Secara Sambilan Di Universiti Utara Malaysia

- Staf Sokongan yang mengikuti pengajian secara PJJ atau sambilan di Universiti Utara Malaysia boleh mendapat kemudahan pengurangan yuran sebanyak 80%.
- Tempoh maksimum bagi pengurangan yuran adalah seperti berikut:

<u>Pengajian</u>	<u>Tempoh Maksimum</u>
Sarjana Muda (PJJ)	14 semester
Sarjana	6 semester
PhD	10 semester
DBA	8 semester

- Syarat memohon adalah seperti berikut:

- Telah disahkan dalam perkhidmatan.
- Telah berkhidmat tidak kurang daripada tiga (3) tahun dalam jawatan tetap di Universiti Utara Malaysia.